

Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Ayah Daus bekerja sebagai _____ di Hospital Kuala Lumpur sejak sepuluh tahun yang lalu.
A guru
B doktor
C peguam
D jururawat
2. Para peserta yang menyertai program pertukaran murid diingatkan supaya sentiasa menjaga _____ ketika berada di luar negara.
A tatasusila
B tatabahasa
C tatatertib
D tatanegara

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Shidi berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti kerana dia lulus dengan cemerlang dalam kesemua _____ yang diambil.
A mata pelajaran C mata hati
B kertas kerja D kertas putih
4. Ibu sedang _____ kuih lapis di dapur untuk minum petang.
A menjanak
B menjerang
C mengukus
D merebus

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Ketika musim perayaan, jumlah kenderaan A di lebuhraya lebih banyak berbanding B di jalan persekutuan dan jalan negeri.
C
Tiada kesalahan.
D
6. Sesiapa sahaja tidak dibenarkan untuk mengubahsuai rumah pusaka ini meskipun A B pembahagian harta pusaka telah dilakukan.
C
Tiada kesalahan.
D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Hubungan Syidah dengan adiknya *tajam* akibat berebut harta.
II Penjual daging itu menggunakan pisau yang *tajam* untuk memudahkan kerjanya.
III Murid-murid yang melanggar disiplin itu berasa takut apabila Cikgu Zainal memerhatikan mereka dengan pandangan yang *tajam*.
IV Perompak-perompak itu menggunakan senjata *tajam* untuk menakutkan pengawal keselamatan dan para pekerja di bank itu.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

8. I Perahu nelayan itu *terumbang-ambing* akibat dilambung ombak.
 II Pelajarannya *terumbang-ambing* semenjak ibu bapanya berpisah.
 III Lelaki tua itu berjalan *terumbang-ambing* ketika menggunakan jejantas.
 IV Penyanyi itu *terumbang-ambing* menjawab soalan para wartawan dalam bahasa Inggeris.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

9. Saya yakin yang kempen antidadah yang dilancarkan tadi akan mendapat sambutan daripada orang ramai.
- A yakin jika projek antidadah
 - B yakin agar projek antidadah
 - C yakin bahawa kempen antidadah
 - D yakin yang kempen antidadah
10. Kerja memperdalamkan sungai itu sedang giat dijalankan dan dijangka akan siap pada bulan hadapan.
- A mendalami sungai itu akan giat
 - B memdalamkan sungai itu akan giat
 - C memperdalam sungai itu sedang giat
 - D memperdalamkan sungai itu sedang giat

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

11. I Faiz dan Hirni saling berlumba-lumba untuk memperoleh markah yang tertinggi dalam peperiksaan.
 II Kedua-dua sahabat itu bersalaman sewaktu terserempak di pasar.
 III Kerajaan akan terus meningkatkan bantuan kepada para petani di negara ini.
 IV Hujan lebat selama dua jam setengah menyebabkan kampung itu banjir.
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
12. I Amri mengutus surat kepada rakannya yang tinggal di luar negara.
 II Aizat dan Aiman akan berangkat pulang ke Johor Bahru beberapa hari lagi.
 III Beberapa buah kedai makan yang akan didirikan di kawasan perumahan itu.
 IV Kuih-muih yang dibeli oleh ayah dari pasar malam itu manis-manis semuanya.
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi ayat yang berikut.

13. Kawasan kampung itu kurang maju kerana penduduknya lebih suka mementingkan diri. Keadaan ini dikatakan
- A bagai murai dicabut ekor.
 - B kata-kata lebih tajam daripada mata pedang.
 - C banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam.
 - D seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.